



## Sofibats by Hadrat Shaykh Muhammed Mefmet Adil al-Hakkani

### DO NOT COMPLY WITH YOUR EGO BUT LISTEN TO ADVICE

*Assalamu Alaykum wa Rahmatullah wa Barakatuh,  
Auzu Billahi Minashaytanir Rajeem. Bismillahir Rahmaniir Raheem,  
Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Muhamadin Sayyidul Anwatin wal Akhirin,  
Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi RasuLillah, Madad Ya Mashayikhina,  
Sheykh Abdullah Daghhestani, Sheykh Nazim al-Haqqani. Dastur.  
Tariqatunus sohba, wal khayru fil jamiyya.*

Junjungan kita Rasulullah bersabda

أَعْدَى عَدُوكَ نَفْسُكَ الَّتِي بَيْنَ جَنِينِكَ

“Musuh yang paling ketat untuk manusia ialah Ego.” Kerana Ego seperti kanak-kanak yang manja mahukan semua perkara.

Ubat adalah pahit dan di perlukan untuk menghindar penyakit. Ego anda harus di ubati. Manusia harus kawal ego mereka supaya tidak sakit. Misalan nya, pasti anda akan sakit jika anda makan semua yang anda dapati. Perut mu pasti sakit. Perut mu adalah punca segala penyakit. Anda harus mengawal ego hawa nafsu mu. Anda akan di siksa di dunia dan akhirat bila anda tidak mengawal nya.

Akhirat anda akan binasa jika anda hidup hanya untuk dunia ini. Janganlah anda hidup untuk kemewahan dunia ini sahaja. Allah jadikan dunia ini demi untuk akhirat. Nikmat kehidupan ini, Ujian di dunia ini jika di pandu dengan perintah Allah Azza wa Jalla dan Hazrat Rasulullah (SAW), maka setiap tingkah laku kita akan di terima oleh Allah swt dan di balas dengan ganjaran. Sebalik nya anda akan di siksa dengan hukuman yang setimpal.

Maka Allah Azza wa Jalla berfirman agar kita jangan hidup tanpa untuk dan kerana Allah swt. Jika kerana Allah pasti anda akan dapat ganjaran. Kebaikan mu akan di catit di sisi Allah dan anda pasti akan di beri pahala. Jika anda menuruti kehendak ego hawa nafsu pasti anda akan di kecam. Jangan mengikuti kehendak nya. Dengar lah nasihat ini!.



Sofibats by  
Hadrat Shaykh Muhammed Mefmet Adil al-Hakkani

Ego hawa nafsu kita berkehendak berbagai perkara. Pilih lah yang Halal sahaja dan tinggalkan yang haram. Anda tidak akan rasa puas dengan yang haram sebalik nya kepuasan dan pahala menuggu anda jika anda memilih yang halal. Moga Allah tidak benarkan kita menurut ego hawa nafsu kita. Moga Allah beri kita hanya yang halal.

Wa Minallah at-Tawfeeq. Al-Fatiha.

Hazrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil  
24. December 2016/24 Rabiul Awwal 1438  
Sabah Namaz, Akbaba Dargah